

K B31U AAB
MAHATHIR - PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BAHAWA UMNO GEMBIRA KERANA GERAKAN BERSEDIA MENERIMA JAWATAN KETUA MENTERI PULAU PINANG YANG DITAWARKAN KEPADA PARTI ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA RASA AMAT GEMBIRA DAN INI BERMAKNA GERAKAN SEDIA BEKERJA DENGAN BARISAN NASIONAL (BN).

+WALAUPUN NAMPAKNYA MEREKA PADA MULANYA KECEWA KERANA SEOLAH-OLAH PENDUDUK PULAU PINANG TIDAK MENGHARGAI KHIDMAT MEREKA, SAYA YAKIN DENGAN PENYERTAAN MEREKA DALAM KERAJAAN DAN DENGAN PENERIMAAN JAWATAN ITU, PEMBANGUNAN NEGERI ITU AKAN BERJALAN TERUS.+

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM ULANGTAHUN KE-25 BANK BUMIPUTRA DI SINI BAHAWA UMNO TIDAK TAMAK DAN MAHU BEKERJASAMA DENGAN SEMUA KAUM DI NEGARA INI.

KATANYA, BERDASARKAN HAKIKAT ITULAH MENGAPA ANGGOTA UMNO MEMBERI SOKONGAN KEPADA SEMUA CALON BN TANPA MENGAMBIL KIRA SAMA ADA MEREKA MERUPAKAN ANGGOTA UMNO ATAU DARI PARTI-PARTI KOMPONEN LAIN DALAM BN.

-- LAGI

0025MST 25 10 90

D308

R B311 AAB
MAHATHIR - PULAU PINANG 2 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMA ADA AKAN DIWUJUDKAN JAWATAN TIMBALAN KETUA MENTERI BAGI PULAU PINANG KHUSUS UNTUK UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA IA MUNGKIN DILAKUKAN, TETAPI TERPULANGLAH KEPADA GERAKAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

+UMNO TIDAK MENPUNYAI HALANGAN,+ KATANYA .

MENGENAI BARISAN KABINET BARU, DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU AKAN MEMBINCANGKAN CALON-CALON YANG SESUAI DENGAN PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

KATANYA, KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA ITU AKAN DIBUAT SEBELUM AKHIR MINGGU INI DAN MENAMBAH KATA BAHAWA MENTER-MENTERI YANG MENANG PADA PILIHAN RAYA MUNGKIN DIKEKALKAN.

KETIKA MENGULAS MENGENAI PERMINTAAN KERAJAAN BARU PAS DI KELANTAN YANG MEMINTA KERAJAAN PERSEKUTUAN SUPAYA TIDAK MENGABAIKAN NEGERI ITU, BELIAU BERKATA: +DULU MEREKA TIDAK KATA MACAM ITU.+ -- LAGI

0032MST 25 10 90

D309

R B312 AAB
MAHATHIR - PULAU PINANG 3 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMA ADA KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN, BELIAU BERKATA PERKARA ITU MUNGKIN LEBIH MUDAH DILAKUKAN SEKIRANYA KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN IALAH DARI PARTI YANG SAMA.

SEMENTARA ITU, KETIKA MENGULAS TENTANG HABRAT ENCIK LIM KIT SIANG UNTUK MELETAKAN JAWATANYA SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG DAP, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATNYA SEBAGAI SANDIWARA.

+NANTI ADA RAKAN-RAKANNYA PUJUK BUPAYA BELIAU MEMEGANG SEMULA JAWATANNYA ITU DAN ATAS DASAR SOKONGAN PARTI DAN RAKAN-RAKAN, BELIAU AKAN KEMBALI MENJAWAT JAWATAN ITU SEMULA+, KATANYA. -- BERNAMA

0036MST 25 10 90